

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status dan hasil siasatan kes Teoh Beng Hock yang telah dibuka semula pada tahun 2019 dan mengapakah pihak berkuasa tidak menyiasat kes ini dari sudut homicide walaupun mahkamah rayuan telah mendapati terdapat individu yang bertanggungjawab terhadap kematian Teoh Beng Hock.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak PDRM telah membuka kembali Kertas Siasatan berhubung kes kematian Teoh Beng Hock yang ditemui mati pada 16 Julai 2009. Siasatan telah dibuka semula dibawah Seksyen 342 Kanun Keseksaan (Kurungan Salah). Kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 24 Februari 2020 dan pihak PDRM diminta untuk meneruskan siasatan dan mengemukakan kembali kertas siasatan ke pejabat Peguam Negara setelah siasatan lengkap dijalankan. Sehubungan itu, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.